

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN , IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Dalam bab ini akan membincangkan keputusan kajian yang diperolehi dalam Bab IV. Dalam perbincangan ini nanti pengkaji akan membentangkan hasil dapatan kajian dan seterusnya membuat perbandingan dengan kajian lain yang hampir sama. Selain itu, kajian ini juga akan membincangkan cadangan-cadangan dan implikasi kajian ini serta kesimpulan secara keseluruhannya.

#### **5.1 Perbincangan**

Dalam bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan kajian tentang pola minat kerjaya pelajar, perbezaan minat kerjaya antara jantina, perbezaan minat kerjaya antara pelajar aliran sains dan pelajar aliran kemanusiaan dan perbezaan minat kerjaya antara tingkatan 4 dan tingkatan 6 Rendah.

### **5.1.1 Pola Minat Kerjaya Pelajar**

Dapatan kajian menunjukkan pola minat kerjaya pelajar-pelajar tersebut ialah Sosial-Konvensional dan Investigatif atau SKI. Holland (1973) menyarankan bahawa pelajar-pelajar boleh dikelaskan mengikut jenis personaliti dan minat kerjaya mereka dengan menggunakan alat SDS atau VPI. Melalui kajian Amla (1984) menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Malaysia di Western Michigan, Amerika Syarikat boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan dan mengikut susunan iaitu Sosial (S), Artistik (A) dan Realistik-Investigatif (R-I).

Kajian-kajian lain yang dijalankan oleh Rohany Nasir (1980), Tan (1989) Dasimah (1991) dan kajian-kajian lain menunjukkan bahawa jenis personaliti yang menggambarkan minat kerjaya pelajar adalah mengikut Pangkatan Model Struktur Hexagon Holland (1969). Malah Amla dan Mizan (1998) memperoleh susunan faktor jenis personaliti pelajar sebagai Sosial, Enterprising, Artistik, Realistik, Konvensional dan Investigatif atau S, E, A, R, K, I.

Dapatan kajian ini didapati kerjaya dalam bidang sosial sebagai yang paling diminati oleh pelajar di Bagan Datoh kerana beberapa faktor antaranya dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Kedudukan dan persekitaran mereka di kawasan

luar bandar masih mengamalkan cara hidup dan budaya bermasyarakat. Aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dijalankan secara bersama dengan mengekalkan sifat-sifat bekerjasama, tolong-menolong serta sentiasa bermuafakat dalam menjayakan segala aktiviti yang dirancang. Keadaan ini menggambarkan bahawa mereka masih mengamalkan budaya yang mementingkan semangat kejiranan, bersopan-santun dan lemah-lembut. Faktor persekitaran ini banyak mempengaruhi kecenderungan minat kerjaya di kalangan pelajar-pelajar di sini. Oleh itu, kesannya jelas dilihat pada pelajar-pelajar ini yang sebahagian besarnya berminat dalam bidang Sosial.

Kerjaya kedua yang diminati oleh pelajar-pelajar tersebut ialah bidang Konvensional. Individu yang digambarkan dalam kategori ini ialah mempunyai sifat cermat, akur, tekun, emosi stabil dan asli. Kecenderungan minat kerjaya mereka terhadap bidang ini hasil situasi dan faktor ekonomi di mana ibu bapa mereka menjalankan aktiviti kehidupan yang 'routine oriented' iaitu urusan ekonomi yang dijalankan secara tekun dan cermat serta berhati-hati. Oleh itu, keadaan ini berlaku secara semulajadi yang menguasai perlakuan pelajar tersebut untuk bersikap cermat, akur, teliti dan tekun yang bersesuaian dengan ciri-ciri Konvensional.

Kerjaya dalam bidang Investigatif yang menjadi minat di kalangan pelajar ini dicirikan oleh persekitaran yang dapat mewujudkan permintaan dan peluang untuk membuat penyiasatan atau penyelidikan secara pemerhatian, simbolik, sistematik dan kreatif terhadap beberapa fenomena fizikal, biologikal dan kebudayaan. Ini adalah

wujud kerana suasana persekitarannya memerlukan mereka tertakluk kepada pengamatan dan penaakulan yang tinggi dalam aktiviti penyelidikan termasuklah aktiviti saintifik dan kreatif.

Sebaliknya pula, kerjaya dalam bidang Enterprising paling kurang diminati kerana 2 orang pelajar (1.9 peratus) sahaja daripada 106 orang pelajar yang mempunyai minat sedemikian. Menurut Holland, ciri-ciri bidang ini sebenarnya merangkumi aktiviti-aktiviti seperti suka memanipulasi orang lain seperti mengarah, memujuk dan memimpin untuk mencapai matlamat organisasi dan keuntungan ekonomi di samping menghindari aktiviti-aktiviti pemerhatian, simbolik dan sistematik. Disebabkan individu Enterprising mempunyai minat, kecekapan, persepsi diri dan nilai-nilai tersebut, mereka cenderung untuk menunjukkan ciri-ciri seperti suka mengembara, optimistik, yakin diri, suka menunjuk, bertenaga tidak begitu ketara di kalangan pelajar-pelajar tersebut.

Kesimpulannya, terdapat persamaan dan perbezaan daripada dapatan kajian ini jika dibandingkan dengan kajian-kajian lain. Namun, dapatan kajian ini dapat menjelaskan pola minat kerjaya pelajar secara khusus dan bersesuaian dengan saranan Holland (1973) yang menegaskan setiap individu itu mempunyai minat dalam bidang-bidang kerjaya yang tertentu.

### 5.1.2 Perbezaan Minat Kerjaya Antara Jantina

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara sampel lelaki ( $N=53$ ) dan sampel perempuan ( $N=53$ ) dalam minat kerjaya mereka. Bagi pelajar lelaki minat kerjaya mereka mengikut susunan Realistik, Investigatif dan Sosial atau RIS, manakala minat kerjaya pelajar perempuan mengikut susunan Sosial, Konvensional dan Artistik atau SKA.

Perbezaan dalam minat kerjaya antara sampel lelaki dan sampel perempuan dalam kajian ini adalah menyokong dapatan-dapatan daripada beberapa kajian yang lalu. Kajian-kajian yang lalu termasuklah kajian Shertzer dan Stone (1971), Alexander (1971), Olive (1973), Rohany Nasir (1980) dan Dasimah (1991) menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Kajian Olive (1973) mendapati golongan wanita lebih cenderung dengan aktiviti-aktiviti 'kewanitaan' seperti kesenian dan bersifat sosial. Kajian Olive ini dipersetujui oleh Omrig dan Thomas (1974) menjelaskan bahawa golongan lelaki lebih berminat dalam bidang yang dianggap maskulin. Holland (1976, 1982, 1985a) sememangnya terdapatnya perbezaan antara kedua-dua kumpulan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan iaitu lelaki meminati bidang Realistik,

Investigatif dan Sosial manakala pelajar perempuan meminati bidang Sosial, Konvensional dan Artistik.

Pelajar lelaki berkecenderungan meminati bidang Realistik sebagai pilihan utama mereka dalam bidang kerjaya nanti iaitu 16 orang pelajar (30.2 peratus). Holland (1985a) menjelaskan bahawa individu yang tergolong dalam bidang ini mempunyai ciri-ciri materialistik, tidak fleksibel, tulen, praktikal dan akur. Mereka memilih dan meminati aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan memanipulasi secara sistematik terhadap objek, mesin, peralatan dan haiwan di samping menghindari aktiviti-aktiviti pendidikan dan terapeutik. Kecenderungan terhadap tingkah laku ini mendorong kepada pembentukan kecekapan manual, mekanikal, pertanian, elektrik dan teknikal dan kurang kecekapan sosial dan pendidikan. Ini wujud kerana pelajar di kawasan luar bandar, kemudahan yang ada memberikan kecenderungan serta menambahkan minat terhadap aktiviti tersebut.

Manakala pelajar perempuan tidak begitu meminati bidang ini memandangkan aktiviti-aktiviti di bidang Realistik melibatkan aktiviti-aktiviti bercorak fizikal. Ini tidak begitu sesuai dengan sifat wanita yang lemah lembut dan kurang lasak. Dalam pada itu juga, budaya setempat tidak membenarkan perempuan melibatkan aktiviti-aktiviti bercorak fizikal dan teknikal yang jauh berbeza dengan keupayaan sifat-sifat kewanitaannya mereka. Oleh itu, ciri utama kerjaya dalam bidang

ini memerlukan persekitaran yang berkaitan dengan aktiviti yang berasaskan kekuatan fizikal.

Kerjaya dalam bidang Investigatif diminati oleh 14 orang pelajar lelaki (26.4 peratus). Menurut Holland (1985a) individu yang bekecenderungan meminati bidang ini mempunyai pengamatan dan penaakulan yang tinggi dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan penyasatan. Ini termasuklah aktiviti saintifik dan kreatif. Keadaan ini juga disebabkan oleh pengaruh persekitaran mereka yang memerlukan ciri-ciri tersebut yang menyebabkan mereka bekecenderungan dalam bidang Investigatif ini.

Bidang Sosial pula yang bekecenderungan meminati bidang ini adalah seramai 13 orang pelajar lelaki (24.5 peratus). Keadaan ini wujud kerana persekitaran dan lokasinya terletak di kawasan luar bandar yang kuat mengamalkan aktiviti-aktiviti bercorak kemasyarakatan yang bekecenderungan mempunyai sifat-sifat menolong, responsif dan bekerjasama. Aktiviti-aktiviti yang memerlukan kerjasama dan semangat kejiwaan masih diamalkan dan ini mempengaruhi pelajar-pelajar ini yang bekecenderungan meminati dalam bidang ini. Malah pelajar-pelajar ini juga melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan di sekolah dan merupakan pelajar yang aktif di sekolah terutama di bidang ko kurikulum seperti terlibat dengan aktiviti perkhemahan sekolah, Hari Sukan Sekolah, Sambutan Maal Hijrah, Hari Kantin Sekolah dan sebagainya.

Minat di dalam bidang Enterprising merupakan bidang yang paling kurang diminati oleh pelajar lelaki tersebut. Ini mungkin disebabkan bahawa bidang investigatif ini memerlukan individu yang banyak tertakluk kepada daya pengamatan dan penaaakulan yang tinggi. Tidak dapat dinafikan pelajar lelaki yang suka dan berminat dalam bidang ini adalah terhad dan tidak menggalakkan.

Pelajar perempuan pula bekecenderungan meminati bidang Sosial sebagai pilihan utama mereka iaitu seramai 22 orang pelajar perempuan (41.5 peratus). Individu yang meminati bidang ini digambarkan sebagai individu yang mempunyai keupayaan interpersonal yang tinggi. Ini dapat dilihat melalui perhubungan kemasyarakatan yang dilalui oleh pelajar-pelajar berkenaan berdasarkan pengaruh persekitaran dan tempat tinggal mereka yang terletak di kawasan luar bandar. Keadaan ini mungkin membezakan minat kerjaya antara lelaki dan perempuan dan jangkaan bahawa lelaki lebih berdikari dan bersedia menghadapi cabaran hidup serta mempunyai kekuatan menangani masalah emosi. Ini memungkinan wujudnya perbezaan persepsi terhadap pelajar perempuan yang mana mereka perlu meneruskan sifat-sifat seperti lemah lembut, sensitif dan gemar membantu.

Seterusnya, seramai 16 orang pelajar perempuan (30.2 peratus) mempunyai minat dalam bidang konvensional. Keadaan ini wujud disebabkan dipengaruhi oleh persekitaran dan cara hidup yang menjadi amalan mereka. Aktiviti-aktiviti seperti perniagaan secara kecil-kecilan daripada hasil pertanian dan tangkapan laut



memaparkan penglibatan golongan ini dalam aktiviti sedemikian. Keadaan ini bersesuaian dengan sifat-sifat mereka dan secara tidak sedari aktiviti ini menjadi minat sebagai satu kegiatan yang diterima oleh masyarakat keseluruhannya.

Kesimpulannya, perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan sangat jelas. Keadaan ini berlaku kerana pelajar lelaki diharapkan mempunyai sifat-sifat maskulin dan menjalankan aktiviti-aktiviti lebih bercorak fizikal manakala pelajar perempuan diharapkan dapat mengekalkan sifat-sifat dan amalan-amalan budaya masyarakat seperti lemah lembut dan bersopan santun serta mengelakkan sebarang gejala negatif yang menggugat keharmonian kehidupan masyarakat secara keseluruhannya. Oleh itu, dapatan ini menyokong saranan Holland (1973) dan dapatan kajian yang lalu di mana minat kerjaya lelaki berbeza dengan minat kerjaya pelajar perempuan kerana jika dilihat pelajar lelaki lebih mengutamakan kerjaya yang berkaitan dengan bidang Realistik manakala pelajar perempuan bekecenderungan meminati dalam bidang sosial.

### **5.1.3 Perbezaan Minat Kerjaya Antara Pelajar Aliran Sains dan Aliran Kemanusiaan.**

Pelajar aliran Sains bekecenderungan minat yang jelas dalam bidang Investigatif. Konvensional dan Sosial atau IKS yang berbeza kecenderungan minat pelajar aliran Kemanusiaan yang menunjuk minat dalam bidang Sosial, Konvensional dan artistik atau SKA. Dapatan kajian ini di sokong oleh dapatan kajian-kajian lalu sama ada kajian luar negeri mahu pun tempatan seperti Dasimah (1991). Kajian ini menyokong saranan Holland bahawa terdapat perbezaan dalam minat kerjaya antara pelajar dari kedua-dua aliran tersebut.

Dapatan kajian ini pelajar aliran Sains menunjukkan kecenderungan terhadap aktiviti-aktiviti dalam bidang Investigatif. Jelas di sini, pola minat ini ada persamaan dengan pola minat kerjaya Holland (1985a) yang menggariskan pelajar aliran Sains lebih tertumpu pada bidang Investigatif seperti dapatan Tan (1989). Manakala pelajar aliran Kemanusiaan bekecenderungan terhadap bidang Sosial iaitu sebanyak 38.5 peratus. Kajian ini bersesuaian dengan kajian Dasimah (1991) yang mendapati bahawa pelajar aliran Kemanusiaan mempunyai minat dalam bidang Sosial. Seperti yang diketahui ciri-ciri individu yang tergolong atau digambarkan meminati bidang Sosial ini mempunyai keupayaan dan kemahiran dalam membina hubungan interpersonal. Mereka lebih meminati bidang kerjaya seperti bercorak pendidikan, terapi, keagamaan dan kemasyarakatan. Antara faktor yang mempengaruhi

kecenderungan minat kerjaya dalam bidang ini ialah faktor bakat semula jadi dan faktor persekitaran. Persekitaran luar bandar yang masih mengamalkan cara hidup yang mementingkan dan mengutamakan hidup bermasyarakat dan mempunyai tingkah laku yang positif telah menjadi amalan yang diwarisi dari generasi ke generasi seterusnya. Wajarliah di sini faktor bakat semula jadi dan persekitaran mempengaruhi kecenderungan minat kerjaya pelajar aliran Kemanusiaan. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelajar aliran kemanusiaan mempunyai minat dalam bidang Sosial yang selari dengan saranan Holland dan beberapa kajian lain.

Bidang Konvensional juga diminati oleh pelajar aliran kemanusiaan iaitu seramai 16 orang pelajar (20.5 peratus). Pelajar yang digambarkan mempunyai kecenderungan minat dalam kerjaya ini menggemari aktiviti yang melibatkan kegiatan memproses data, memanipulasi bahan serta menyimpan rekod. Memandangkan bidang teknologi maklumat kini telah menjadi satu bidang yang utama dan menjadi sasaran dalam pembangunan ekonomi setiap negara maka tumpuan pelajar aliran kemanusiaan beralih ke bidang ini memandangkan peluang pekerjaan lebih cerah pada masa masa hadapan. Jelas di sini, daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar aliran kemanusiaan mempunyai minat dalam teknologi maklumat dan komunikasi yang menguasai pasaran kerja pada hari ini.

Namun kerjaya dalam bidang Enterprising diminati oleh hanya 1 orang pelajar (1.3 peratus) sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar aliran kemanusiaan kurang berminat dalam mewujudkan permintaan-permintaan dan peluang-peluang untuk memanipulasi serta mempengaruhi orang lain bagi mencapai matlamat diri dalam organisasi bersifat suka menunjuk, optimistik dan suka mengembara. Faktor persekitaran mereka memungkinkan pelajar aliran kemanusiaan ini kurang cenderung dalam bidang Enterprising ini.

Kesimpulan daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar aliran sains menunjukkan minat dalam bidang Investigatif manakala bagi pelajar aliran kemanusiaan mempunyai minat dalam bidang Sosial dan ini selaras dengan saranan Holland dan beberapa dapatan kajian lain.

#### **5.1.4 Perbezaan Minat Kerjaya Antara Pelajar Tingkatan 4 dan Pelajar Tingkatan 6 Rendah**

Pelajar yang dikaji terbahagi kepada 2 tingkatan iaitu tingkatan 4 (N= 53) dan tingkatan 6 Rendah (N= 53). Pelajar tingkatan 4 menunjukkan minat yang jelas dalam bidang Investigatif, Sosial dan Konvensional atau ISK yang agak berbeza dengan pelajar tingkatan 6 Rendah. Mereka menunjukkan minat dalam bidang Sosial, Artistik dan Konvensional atau SAK.

Dapatan ini menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya di kalangan pelajar tahap akademik berbeza atau tingkatan yang berbeza. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan terdapatnya pengaruh tahap akademik terhadap minat kerjaya pelajar. Keputusan kajian ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Holland (1985) yang menjelaskan pelajar dengan tahap akademik tinggi menunjukkan minat yang berbeza dengan pelajar yang mempunyai tahap akademik yang lebih rendah. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Tan (1989) dan beberapa pengkaji lain. Di samping kecenderungan dalam bidang Investigatif pelajar tingkatan 4 juga meminati kerjaya dalam bidang Sosial.

Keadaan ini wujud kerana pengaruh persekitaran. Oleh itu, beberapa pengkaji telah membuat kajian dengan melihat perhubungan antara persekitaran dengan minat kerjaya. Menurut Crites (1969), perubahan budaya dan sub budaya di

tempat tinggal seseorang pelajar boleh mempengaruhi minatnya ke atas sesuatu kerjaya.

Manakala bidang Enterprising hanya seorang pelajar sahaja daripada pelajar tingkatan 4 yang meminati bidang tersebut. Kurangnya minat mereka dalam bidang ini ada kaitannya dengan bakat dan aspek persekitaran mereka yang tidak suka memanipulasi dan mempengaruhi orang lain bagi mencapai matlamat diri dan organisasi serta mempunyai ciri-ciri seperti suka menunjuk, optimistik, ekstrovert dan bertenaga. Apa yang jelas peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti sedemikian agak terhad memandangkan persekitarannya yang hidup dalam suasana luar bandar yang tidak membenarkan untuk meminati bidang Enterprising tersebut.

Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan pelajar tingkatan 6 Rendah mempunyai minat kerjaya yang tinggi dalam bidang Sosial. Faktor persekitaran ini bertepatan dengan kajian oleh Bloom (1979) di mana beliau mendapati perkembangan sesuatu bidang di dalam sesuatu masyarakat boleh mempengaruhi minat kerjaya di kalangan masyarakatnya.

Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan bidang Artistik menjadi minat di kalangan pelajar tingkatan 6 Rendah. Individu yang tergolong dalam aktiviti ini dilihat sebagai mereka yang berupaya dan bekecenderungan mencipta hasil-hasil seni. Aktiviti kesenian melibatkan penampilan bakat, minat dan keupayaan untuk

menggiatkan aktiviti budaya dan sastera, muzik, fesyen, kraf dan sebagainya. Keadaan ini wujud kerana persekitarannya yang masih mempunyai pengaruh dengan kebudayaan tempatan. Beberapa pihak atau badan masih meneruskan kesenian tempatan seperti dabus dan kumpulan kompang yang menjadi satu kesenian budaya tempatan yang diperturunkan dari generasi ke satu generasi sehingga kini masih diamalkan.

Berbanding pelajar tingkatan 4 yang mempunyai minat yang tinggi dalam bidang Investigatif tetapi sebaliknya tidak seorang pun pelajar tingkatan 6 Rendah yang meminati bidang tersebut. Tiada minat pelajar tingkatan 6 Rendah terhadap bidang tersebut kerana semua pelajar tingkatan 6 Rendah adalah beraliran kemanusiaan yang lebih meminati bidang Sosial. Dapatan kajian ini bersesuaian dengan dapatan Holland (1985a) yang menyatakan pelajar yang beraliran sains menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang Investigatif. Dalam pada itu juga, ciri-ciri yang digambarkan dalam bidang ini yang bersifat penyelidikan dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap mata pelajaran matematik dan sains ini tidak menarik pelajar tingkatan 6 Rendah berkecenderungan untuk menceburi kerjaya tersebut.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar tingkatan 4 menunjukkan minat kerjaya dalam bidang Investigatif manakala pelajar tingkatan 6 Rendah mempunyai minat kerjaya dalam bidang Sosial di mana ini selaras dengan dapatan kajian Holland (1985a) dan dapatan kajian lain.

## **5.2 Implikasi Kajian**

Implikasi daripada kajian ini dilihat daripada beberapa sudut iaitu dari sudut pelajar, ibu bapa, kaunselor sekolah, pentadbir sekolah dan Kementerian Pendidikan.

### **5.2.1 Implikasi Kepada Pelajar**

Alat Pemilihan Kerjaya SDS Holland dapat membantu pelajar meneroka minat kerjaya pelajar. Ini bersesuaian dengan tahap pelajar berkenaan untuk membuat pemilihan kerjaya untuk masa depan selari dengan minat mereka. Pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 6 Rendah ini merupakan tahap paling sesuai untuk membuat pilihan terhadap kerjaya yang akan diceburi agar memperoleh kepuasan dalam bekerja memandangkan bidang pekerjaan pada hari ini cukup mencabar. Dengan kata lain, alat ujian ini juga menjadi asas dan panduan dalam pemilihan jurusan pengajian apabila melanjutkan pelajaran nanti.



Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang dunia pekerjaan yang semakin mencabar hari ini di samping bersedia bersaing dalam bidang yang mereka minati berdasarkan kebolehan dan keupayaan mereka. Dengan itu, pelajar-pelajar seharusnya peka akan perancangan masa depan mereka sendiri dan perlu memiliki matlamat kerjaya masa depan yang jelas. Dalam masa yang sama, pelajar-pelajar perlu merebut peluang mengikuti program-program pendidikan kerjaya seperti seminar, ceramah, bengkel, pameran dan sebagainya sama ada dianjurkan oleh pihak sekolah atau swasta. Diharapkan melalui program seumpama ini pelajar-pelajar dapat meneroka diri bagi mengetahui kebolehan serta kelayakan yang diperlukan untuk menceburi bidang yang diminati. Malah pelajar-pelajar juga perlu mencari maklumat tentang peluang-peluang pendidikan lanjutan dan latihan-latihan kemahiran yang membolehkan mereka menceburi bidang kerjaya yang diminati.

Dengan adanya matlamat tentang kerjaya yang jelas adalah diharapkan ianya akan meningkatkan tahap motivasi mereka untuk terus mencapai kecemerlangan dalam akademik. Menurut kajian Hays (1981) mendapati bahawa program penerokaan kerjaya dan pendidikan kerjaya yang dijalankan bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran kerjaya malah turut meningkatkan tahap motivasi subjek kajian mereka secara keseluruhan. Dalam pada itu juga, pelajar-pelajar diharapkan dapat membuat perancangan awal untuk menentukan matlamat kerjaya mereka untuk mengelakkan berlakunya kesilapan dalam membuat pemilihan kerjaya

kelak. Ini adalah untuk mengelakkan dari berlakunya pertukaran pekerjaan yang akan membazirkan masa. Oleh itu, pengetahuan mengenai minat sahaja tidak mencukupi untuk perancangan masa depan pelajar, malah mereka juga perlu mengetahui maklumat mengenai bidang kerjaya dengan diri sendiri agar pemilihan kerjaya mereka adalah lebih realistik.

### **5.2.2 Implikasi Kepada Ibu Bapa**

Antara faktor kecenderungan minat kerjaya dan pemilihan kerjaya juga disebabkan oleh pengaruh ibu bapa. Di samping ibu bapa mengenalpasti kecenderungan minat anak-anak mereka dalam bidang-bidang tertentu, ibu bapa juga seharusnya memberi galakan kepada anak-anak untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan. Sehubungan dengan itu, ibu bapa memberi penumpuan yang lebih kepada subjek-subjek tertentu untuk membolehkan anak-anak mereka menceburi bidang-bidang yang diminati atau diberi keutamaan. Selain itu juga, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada ibu bapa mengenai kepentingan mengenalpasti kecenderungan minat anak-anak dan galakan daripada mereka membolehkan anak-anak mereka mencapai apa yang dicita-citakan.

Ibu bapa boleh memainkan peranan untuk mengukuhkan dan mengembangkan minat kerjaya anak-anak mereka dengan memberi galakan

dan pendedahan melalui aktiviti-aktiviti luar dan program-program kerjaya seperti seminar, ceramah, pameran dan sebagainya. Ini sedikit sebanyak memberi pendedahan mengenai kursus-kursus yang perlu diikuti di pusat-pusat pengajian tinggi untuk menceburi bidang kerjaya yang diminati. Dengan itu, anak-anak mereka dapat menfokuskan dan memberi tumpuan secara langsung terhadap mata pelajaran-mata pelajaran tertentu untuk memperolehi keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan SPM dan STPM nanti. Ini akan mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pemilihan bidang kursus yang seterusnya memberi impak yang tidak diharapkan. Oleh sebab itu, anak-anak akan acuh tidak acuh dengan kursus yang diikuti memandangkan tidak mempunyai minat dengan bidang kerjaya yang ditawarkan selepas tamat pengajian nanti. Keadaan ini sudah tentu membazirkan masa malah tenaga kerja yang diperlukan oleh negara pada hari ini.

Ibu bapa perlu akur dengan kehendak dan keupayaan anak-anak mereka serta hala tuju mereka dalam bidang kerjaya kelak. Jika kerjaya yang akan diceburinya kelak tidak bertepatan dengan minat mereka maka kerjaya tersebut tidak dapat memberi kepuasan kepada mereka. Para ibu bapa juga seharusnya dapat memainkan peranan mereka sebagai pemangkin dalam membimbing anak-anak ke arah pemilihan kerjaya. Maklumat mengenai sesuatu kerjaya sama ada mereka sendiri ceburi atau rakan-rakan sekerja mereka boleh disampaikan kepada anak-anak mereka. Ini adalah kerana para ibu bapa sebagai model sangat berpengaruh dalam menentukan pilihan kerjaya anak-anak mereka (Hushim Salleh, 1994).

Sokongan moral daripada ibu bapa dan berbincang dari semasa ke semasa secara tidak langsung mewujudkan bahawa bakat, minat serta keupayaan anak-anak dihargai dan dipersetujui bersama. Malah anak-anak merasakan diri mereka dihargai dan diberi kepercayaan sepenuhnya untuk menentukan masa depan mereka agar matlamat yang ingin dicapai bersama menjadi kenyataan. Jelas di sini, kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar melalui peranan yang dimainkan oleh ibu bapa untuk mengukuhkan dan memperkembangkan lagi minat kerjaya pelajar agar selari dengan minat, kebolehan dan keupayaan mereka.

### **5.2.3 Implikasi kepada Kaunselor Sekolah**

Melalui alat SDS ini, kaunselor boleh mengelaskan pelajar kepada bidang-bidang mengikut minat kerjaya mereka. Selain membekalkan maklumat tentang inventori minat kerjaya pelajar, kaunselor perlu memberi maklumat kerjaya yang hendak diceburi nanti. Keadaan ini selaras dengan saranan Holland (1985a) mengatakan bahawa pemilihan kerjaya mestilah kongruens dengan minat, bakat dan keupayaan seseorang individu itu kerana minat kerjaya yang sesuai menyebabkan individu selesa dengan persekitaran yang dialaminya itu. Oleh itu, kaunselor sekolah perlu memainkan peranannya untuk memberikan maklumat serta bimbingan kerjaya kepada pelajar-pelajar tersebut agar dapat memenuhi pasaran tenaga kerja yang selari dengan pembangunan negara.

Tugas kaunselor sekolah bagi memastikan pelajar-pelajar memperoleh maklumat kerjaya yang diperlukan, beliau perlu membuat perancangan yang teliti dan menunjukkan minat agar pelajar-pelajar tidak ketinggalan. Kaunselor boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti atau program yang berkaitan dengan bimbingan kerjaya seperti seminar kerjaya, ceramah kerjaya, lawatan ke agensi-agensi tertentu dan sebagainya untuk memberi pendedahan dan maklumat terkini kepada pelajar supaya mereka mengetahui lebih mendalam dalam membuat pemilihan kerjaya selaras dengan keupayaan, bakat, minat dan kebolehan mereka. Selain itu, kaunselor juga boleh bekerjasama dengan Pejabat Buruh untuk mendapatkan maklumat dan butir-butir mengenai bidang dan peluang kerjaya di pasaran kerja pada hari ini.

Kaunselor sekolah juga perlu bekerjasama dengan agensi-agensi swasta dan kolej-kolej swasta untuk memberi maklumat bukan sahaja kursus-kursus yang ditawarkan malah kerjaya-kerjaya yang boleh diceburi berdasarkan keperluan pasaran tenaga kerja pada hari ini. Dengan kerjasama pihak swasta ini diharapkan maklumat yang lebih banyak dan tepat dapat disampaikan kepada pelajar kerana sememangnya wujud persaingan maklumat antara pihak swasta untuk memberi terbaik kepada pelanggannya. Keadaan ini memberi peluang terbaik kepada pelajar-pelajar untuk memilih kursus yang berkaitan dengan minat kerjaya mereka. Dengan perkataan lain, pelajar yang mempunyai minat dalam kerjaya tertentu mempunyai pendedahan yang lebih banyak yang merangkumi bidang kerjaya yang dipilih.

#### **5.2.4 Implikasi Kepada Pentadbir Sekolah**

Pihak pentadbir sekolah diharapkan dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan lagi dalam membuat perancangan yang lebih rapi agar pelajar dapat dibantu dalam bidang kerjaya kelak. Inisiatif boleh diambil dengan dibantu oleh kaunselor sekolah merancang program dan aktiviti yang boleh membantu pelajar dan ibu bapa didedahkan terhadap bidang kerjaya. Pelbagai program boleh dijalankan sama ada di sekolah mahu pun di luar sekolah seperti mengadakan pameran di sekolah, ceramah dan seminar kerjaya dengan menjemput penceramah-penceramah dari luar serta penglibatan daripada ibu bapa agar pendedahan mengenai bidang kerjaya dengan lebih meluas dan berkesan lagi.

Kerjasama pihak pentadbir sekolah dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah dapat memberi pendedahan yang meluas dalam bidang kerjaya kepada ibu bapa terutama kepada ibu bapa yang mempunyai anak yang akan meninggalkan bangku persekolahan setelah tamat peperiksaan SPM atau STPM nanti. Di samping itu, pihak pentadbir sekolah boleh menjemput tokoh-tokoh atau ahli-ahli korporat yang telah berjaya untuk berkongsi pengalaman sebagai motivasi kepada pelajar dan ibu bapa yang terlibat. Ini adalah bertujuan memberi pendedahan dan semangat untuk lebih cemerlang dalam akademik dan penumpuan yang lebih terhadap mata pelajaran tertentu agar bertepatan dengan bidang kerjaya yang akan diceburi nanti. Malah pihak pentadbir sekolah dapat bekerjasama dengan

Kementerian Sumber Manusia dan Pejabat Buruh untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai keperluan tenaga kerja di pasaran pekerjaan pada masa ini.

Berdasarkan kajian ini juga diharapkan pihak pentadbir sekolah dapat mengagihkan pelajar mengikut aliran berdasarkan minat, kebolehan dan keupayaan pelajar. Ini untuk mengelakkan pelajar menukar aliran setelah setahun belajar di tingkatan 4 atau pelajar yang mengambil sikap sambil lewa terhadap mata pelajaran elektif kerana tidak meminatinya. Keadaan ini tentunya merugikan masa pelajar berkenaan. Oleh itu, keperluan dan minat pelajar perlu diambil kira dan dipertimbangkan agar pelajar terus cemerlang dalam bidang yang akan diceburinya nanti. Di mana pelajar memerlukan maklumat yang tepat untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang atau jurusan yang sesuai di pusat pengajian nanti dan pelajar perlu mendapat maklumat yang lebih awal untuk perancangan kerjaya mereka nanti.

#### **5.2.5 Implikasi Kepada Kementerian Pendidikan**

Dapatan kajian ini juga diharapkan Kementerian Pendidikan dapat membuat perancangan yang lebih rapi dalam menentukan kurikulum di sekolah selaras dengan keperluan tenaga manusia negara pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan perlu berusaha untuk mendapatkan maklumat yang terperinci melalui Kementerian Sumber Manusia agar perancangan bekalan sumber

manusia menjadi lebih kemas dan efektif. Selari dengan keperluan negara dalam bidang-bidang pekerjaan yang diperlukan pada masa hadapan serta jenis-jenis kursus di pusat pengajian tinggi yang dapat menyalurkan sumber tenaga yang sesuai.

Pihak Kementerian Pendidikan juga diharap memperbanyakkan program vokasional dan kemahiran dari peringkat awal lagi. Di samping mata pelajaran Bimbingan Kerjaya diperkenalkan di sekolah agar pelajar membuat perancangan yang lebih serius mengenai bidang kerjaya yang akan mereka ceburi selepas tamat persekolahan nanti. Di harapkan pelajar lebih bersungguh-sungguh mempamerkan kecemerlangan dalam akademik dan ko-kurikulum dari peringkat awal persekolahan lagi dan menentukan hala tuju mereka kelak. Ini tentunya memberi perkembangan yang positif ke arah pembangunan tenaga manusia yang optimum selaras dengan keperluan pasaran tenaga kerja kini.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga perlu mengkaji Sistem Pendidikan Negara yang digunakan pada masa ini agar bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pembangunan sumber manusia di samping mengkaji sampel pendidikan negara. Ini adalah kerana pembangunan sumber manusia dalam pelbagai jenis kegiatan ekonomi boleh menjana produk yang berkualiti dan boleh menembusi benteng pasaran beberapa blok dunia ini. Pendidikan vokasional, teknik dan kejuruteraan menjadi sampel yang utama dan pengurangan penekanan akademik dan meritokrasi akademik. Menurut Charles Dickens, Robert Carnegie dan tokoh-



tokoh Presiden Universiti di Amerika Syarikat, pendidikan sebagai media untuk menyokong sampel ekonomi berasaskan perindustrian dan perdagangan. Jesteru itu, pendidikan dapat memenuhi fungsi pembangunan sumber manusia.

Kesimpulannya, perancangan yang teliti dan kemas oleh pihak-pihak tertentu terutama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia agar dapat membentuk hala tuju sumber tenaga manusia selaras dengan keperluan negara. Jika perancangan yang lebih efektif dan sistematik dilakukan pada hari ini, pelajar-pelajar terutamanya di luar bandar ini berupaya dapat memenuhi keperluan tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan dan kehendak pasaran tenaga kerja pada masa kini dan seterusnya pada masa hadapan.

### **5.3 : CADANGAN**

Pengkaji mencadangkan supaya pengambilan sampel ditambahkan jumlahnya bagi mendapatkan keputusan yang lebih tepat di samping memberikan gambaran minat kerjaya pelajar dengan secara menyeluruh. Ini adalah kerana sampel yang digunakan dalam penyelidikan ini terhad kepada pelajar Tingkatan 4 dan 6 Rendah di sebuah sekolah menengah di Bagan Datoh dengan jumlah sampelnya 106 orang pelajar.

Pengkaji juga mencadangkan supaya penyelidikan yang lebih meluas tentang minat kerjaya pelajar di peringkat awal persekolahan lagi. Ini adalah bertujuan agar pelajar dapat membuat pilihan jurusan atau bidang yang bertepatan terutamanya pelajar ditahap yang dijadikan sampel dalam kajian ini iaitu pelajar yang berada di tingkatan 4 dan tingkatan 6 Rendah agar kursus yang dipilih selaras dengan minat, kebolehan serta kemampuan mereka untuk mengelakkan berlakunya pembaziran masa dan tenaga pada masa akan datang. Diharapkan dengan adanya penyelidikan yang lebih efektif dan meluas dapat memberi maklumat yang lebih terperinci dalam mendorong pelajar mencapai kecemerlangan dalam akademik mereka.

Pihak pentadbiran sekolah dengan dibantu oleh kaunselor sekolah perlu menggunakan ujian SDS yang dikemukakan oleh Holland ini semasa kemasukan pelajar ke tingkatan 4 dan tingkatan 6 Rendah agar mereka dapat memilih jurusan yang bertepatan dengan minat dan keupayaan mereka selain berdasarkan keputusan peperiksaan mereka sama ada pada peringkat PMR atau SPM. Ini adalah bertujuan pelajar akan lebih tekun dan berusaha dengan lebih cemerlang agar mencapai matlamat mereka pada masa akan hadapan di samping untuk menarik minat mereka untuk mencipta kejayaan untuk mereka sendiri.

Dalam penyelidikan ini hanya menguji keupayaan alat SDS Holland ke atas minat kerjaya pelajar dari aspek jantina, aliran pengajian dan tingkatan. Oleh itu, pengkaji menyarankan agar untuk penyelidikan seterusnya faktor-faktor seperti faktor

keluarga, pengaruh sekolah dan pencapaian akademik perlu diambil kira supaya hasil dapatan akan menjadi lebih jitu dan berguna kepada pelbagai pihak terutamanya kepada pihak Kementerian Pendidikan. Pengkaji-pengkaji yang akan membuat penyelidikan seperti ini pada masa akan datang disarankan juga agar menjalankan ujian psikometrik ke atas alat ujian SDS dengan tujuan untuk mengurangkan item-item yang terdapat di dalamnya serta menjurus kepada bidang- bidang tertentu yang terdapat di dalamnya dengan lebih spesifik. Oleh itu, diharapkan pelajar-pelajar yang menjadi subjek kajian akan dapat menjawab setiap item dengan lebih jujur.

#### 5.4. Penutup

Dalam usaha kita ingin menyediakan tenaga pekerja yang berkualiti sesuai dengan kehendak semasa adalah sangat penting dalam meluaskan penggunaan *Self Directed Search-Form Easy* versi Bahasa Melayu kepada pelajar supaya mereka dapat menentukan bidang yang diminati sebelum mereka membuat pilihan yang spesifik terhadap pengajian selanjutnya. Oleh yang demikian perancangan rapi perlu dibuat agar pelajar mempunyai keyakinan dalam mengejar kecemerlangan akademik kerana kejayaan yang akan dicapai dalam bidang yang diminati akan berakhir dengan pemilihan kerjaya yang sesuai dan relevan dengan minat, bakat, keupayaan dan kebolehan mereka.